



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
Email : kkm@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 16/2013 (14 hingga 20 April 2013)

Sepanjang minggu ke 16, dari 14 hingga 20 April 2013, sejumlah 422 kes demam Denggi telah dilaporkan, peningkatan sebanyak 30 kes (8%) berbanding minggu sebelumnya (392 kes). Dalam tempoh tersebut, terdapat lapan (8) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Perak 15 kes (50%), Selangor 13 kes (7%), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 7 kes (26%), Kelantan 7 kes (26%), Negeri Sembilan 4 kes (44%), Johor 4 kes (13%), Terengganu 1 kes (25%) dan Kedah 1 kes (7%) (Lampiran A). Jumlah kumulatif kes Denggi dilaporkan adalah 7,413, berbanding 7,951 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012, iaitu penurunan sebanyak 7% (538 kes). Jumlah kumulatif kes kematian akibat Denggi kekal sebanyak 14 kematian berbanding 18 kematian dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Sejumlah 64 lokaliti wabak Denggi dipantau di seluruh negara yang melibatkan 8 negeri iaitu 36 lokaliti di Selangor, 8 lokaliti di Perak, 7 lokaliti di Johor, 5 lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, 4 lokaliti di Kelantan, 2 lokaliti di Negeri Sembilan dan masing-masing 1 lokaliti di Pahang dan

Sabah. Terdapat satu lokaliti wabak tidak terkawal dilaporkan di Kg. Baru Liman, Kuala Kangsar, Perak yang melibatkan 10 kes dengan nilai indeks *Aedes* melebihi paras sensitif iaitu 1.6%. Hanya 58% daripada 64 lokaliti wabak yang ada menjalankan aktiviti gotong royong. Jawatankuasa penduduk diminta memainkan peranan melaksanakan gotong-royong membersihkan kawasan mereka. Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pencegahan Denggi sebanyak 1,060 hebahan awam diberikan kepada penduduk, 14,815 edaran risalah, 358 penampalan poster, 228 pemasangan media, 8,982 tunjuk cara dan 9,206 nasihat individu telah dilaksanakan dilokaliti-lokaliti ini.

Analisa kes Denggi bagi Januari hingga pertengahan April 2013, menunjukkan daripada sejumlah 7,413 kes yang dilaporkan, 97% adalah terdiri dari kes Demam Denggi, manakala 3% merupakan kes yang telah mengalami komplikasi iaitu Demam Denggi Berdarah. Oleh itu, masyarakat tidak boleh mengambil mudah apabila mengalami demam kerana kemungkinan besar ianya telah dijangkiti Demam Denggi. Dapatkan rawatan segera di klinik berhampiran. Golongan yang berisiko dijangkiti Denggi majoritinya adalah lelaki iaitu 61%. Disamping itu, sebanyak 56% yang dijangkiti adalah dari golongan usia yang produktif iaitu di antara 20 hingga 50 tahun.

Pemantauan Kementerian Kesihatan menunjukkan, 89% pembiakan nyamuk *Aedes* adalah dijumpai di luar rumah, iaitu terdiri daripada bekas plastik (18%), tong (14%), tayar (11%) dan baldi (7%). Ia kebanyakannya dijumpai di kawasan persekitaran luar kediaman rumah. Oleh demikian, nasihat Kementerian Kesihatan kepada masyarakat yang keluar untuk berkempen terutamanya dikawasan wabak berlaku supaya mengambil langkah proaktif untuk menghindar diri dari digigit nyamuk *Aedes* dengan

memakai baju berlengan panjang atau *repellent* bila berada di luar rumah terutamanya pada waktu nyamuk aktif menggigit.

Oleh itu, masyarakat diminta agar mengambil tindakan terhadap mesej yang telah disarankan bagi menghalang penularan jangkitan demam Denggi. Adalah menjadi harapan Kementerian Kesihatan agar jumlah kes dapat dikurangkan pada setiap minggu dan jika ada kemusykilan, dapatkan maklumat berkaitan demam Denggi dari kemudahan kesihatan berhampiran atau laman web Kementerian Kesihatan di <http://www.moh.gov.my>

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

24 April 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 16/2013
(14 hingga 20 April 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 16/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 16/2012
		Minggu 16 (14 – 20 April 2013)	Minggu 15 (7 – 13 April 2013)		
1	Perlis	1	2	47	68
2	Kedah	16	15	231 (1)	244 (1)
3	P. Pinang	9	10	219	292 (1)
4	Perak	45	30	640	558 (1)
5	Selangor	189	176	3,213 (1)	3,563 (9)
6	WPKL & Putrajaya	34	27	560 (3)	849 (3)
7	N. Sembilan	13	9	147	137 (1)
8	Melaka	5	11	148	232
9	Johor	36	32	691 (6)	533
10	Pahang	7	10	180	248 (1)
11	Terengganu	5	4	64	291
12	Kelantan	34	27	441	451
13	Sarawak	19	25	582 (2)	328
14	Sabah	9	14	250 (1)	151 (1)
15	WP Labuan	0	0	0	6
	Jumlah	422	392	7,413 (14)	7,951 (18)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan.